



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2026

KUALA LUMPUR – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia terus memperkukuh komitmen dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya khususnya terhadap kenderaan perkhidmatan awam dan motosikal sempena musim perayaan menerusi pelaksanaan Operasi (Ops) Khas Sempena Perayaan Tahun Baharu Cina 2026.

Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Tahun Baharu Cina 2026 masih mengekalkan tema “Pandu Cermat, Sampai Selamat”, yang akan digerakkan melalui pelbagai pendekatan advokasi dan pendidikan keselamatan jalan raya melibatkan pameran, ceramah kesedaran, edaran bahan keselamatan serta kerjasama strategik bersama rakan agensi dan pihak media.

Bagi memastikan kelancaran aliran trafik dan mengurangkan risiko kemalangan sepanjang musim perayaan, larangan pemanduan kenderaan barangan (road ban) terhadap kenderaan barangan akan dilaksanakan pada 14 Februari 2026 (Sabtu) hingga 15 Februari 2026 (Ahad) serta 21 Februari 2026 (Sabtu) hingga 22 Februari 2026 (Ahad). Semua pengusaha dan pemandu kenderaan terlibat dinasihatkan agar mematuhi ketetapan ini serta merancang perjalanan lebih awal.

MOT dan JPJ turut menasihatkan semua pengguna jalan raya supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas, memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat, dan merancang perjalanan dengan baik. Sebarang aduan berkaitan kesalahan lalu lintas sepanjang musim perayaan boleh disalurkan melalui Aplikasi MyJPJ menerusi menu eAduan@JPJ atau emel aduantrafik@jpj.gov.my.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

3 FEBRUARI 2026

-TAMAT-



JADUAL LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN
SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA (TBC) 2026
14-15 DAN 21-22 FEBRUARI 2026

KATEGORI	JENIS KENDERAAN BARANGAN YANG TERLIBAT	MASA LARANGAN
1	<ol style="list-style-type: none">Lori pembawa dan lori jongket yang berat dengan muatannya melebihi 7,500 kg, lori pengangkut rendah, treler tiang, treler pelantar, lori balak, jentera berat beroda, (kecuali jentera berat beroda, trak tunda dan traktor yang digunakan bagi maksud operasi kecemasan dan menyelamatkan) dan traktor.Lori pengangkut barangan simen, besi keluli, batu, pasir, tanah, bahan binaan yang lain, amang, bijih timah, aras batu dan bahan galian yang lain.	Sepanjang masa
2	<ol style="list-style-type: none">Lori kontena yang mengangkut barangan (kecuali lori kontena yang mengangkut barangan dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan perindustrian di dalam negeri yang sama dan sebaliknya).Lori kargo yang mengangkut barangan elektronik atau elektrik atau bahan industri kimia dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan perindustrian di dalam negeri yang sama dan sebaliknya.Lori yang mengangkut tandan buah kelapa sawit segar, produk kelapa sawit mentah, getah sekerap dan susu getah.Lori kargo tanpa muatan.	8.00 malam hingga 8.00 pagi
3	<ol style="list-style-type: none">Kren bergerak dan lori pembancuh simen.	6.00 petang hingga 6.00 pagi dalam jarak 25 km dari tapak pembinaan tertakluk kepada had masa



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

		operasi yang dibenarkan di jalan tertentu
<p>1. Jentera berat beroda dan kren bergerak adalah diberi pengecualian melaksanakan kerja-kerja kecemasan.</p> <p>2. Mana-mana kenderaan barangan atau dengan jenis barangan yang tidak dinyatakan dalam jadual adalah dibenarkan menggunakan kenderaan dalam tempoh larangan.</p>		

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my